

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN DARULNAIM**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 4/2003**

### **DASAR BERHUBUNG DENGAN PERMOHONAN TANAH GANTI BAGI PROJEK PERTANIAN KOMERSIAL**

---

---

1. Pekeliling ini dikeluarkan ialah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan dasar bagi permohonan tanah ganti bagi projek pertanian komersial.
2. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 6/2003 yang bersidang pada 19hb Mac 2003 semasa menimbang kertas MMK Bil. 6/252/2003 berhubung dengan dasar permohonan tanah ganti bagi projek pertanian komersial telah bersetuju dengan beberapa garis panduan bagi memproses permohonan-permohonan tanah ganti bagi projek-projek pertanian komersial di negeri ini.
3. Garis panduan berhubung dengan permohonan tanah ganti bagi projek pertanian komersial adalah seperti berikut:-
  - 3.1 Permohonan bagi kawasan ganti bagi projek pertanian komersial boleh diberi pertimbangan segera oleh Pihak Berkuasa Negeri sekiranya terdapat sebab-sebab seperti berikut:-

- i. Apabila keluasan sebenar bagi kawasan asal yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri mengalami kekurangan; *dan*
- ii. Kawasan asal yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri terlibat dengan kawasan yang di rentah haram sebelum 1995; *atau*
- iii. Terdapat isu-isu perundangan yang perlu diselesaikan segera bagi mengelakkan agensi Kerajaan Negeri tebabit menghadapi prosiding undang-undang di Mahkamah; *atau*
- iv. Bayaran premium telah dijelaskan berdasarkan keluasan asal yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3.2 Tertakluk kepada sebab-sebab yang dinyatakan di perenggan 3.1 di atas, permohonan bagi menadapatkan kawasan ganti boleh diangkat untuk mendapat pertimbangan khas Pihak Berkuasa Negeri apabila syarat-syarat seperti berikut dipatuhi:-

- i. Kawasan ganti yang dipohon adalah bersempadanan atau hampir dengan kawasan asal yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri; *dan*
- ii. Kawasan ganti yang dipohon tidak termasuk dalam kawasan hutan simpan; *dan*

- iii. Pandangan dari jabatan-jabatan teknikal telah diperolehi bagi kawasan ganti berkenaan; *dan*
- 3.3 Sekiranya pihak agensi / syarikat bersetuju dengan keluasan kawasan yang telah diukur walaupun mengalami kekurangan dari segi keluasan sebagaimana kelulusan asal, bayaran premium yang telah dibuat hendaklah diselaraskan dengan keluasan tanah yang telah diukur. Perbezaan premium tersebut hendaklah dikembalikan kepada syarikat / agensi yang terbabit setelah permohonan dibuat.
- 3.4 Bagi mana-mana permohonan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa negeri dan bayaran premium belum dijelaskan, bayaran tersebut hendaklah dijelaskan setelah kerja-kerja ukur dibuat dan penyelarasan dibuat dengan keluasan kawasan yang telah diukur.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

**(ABDUL HALIM BIN HJ. AHMAD)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN**

Kepada :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

Salinan kepada:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha , Kerajaan Tempatan.
9. FF.PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

Bertarikh :

Fail : PTG.KN SULIT 1/2/8 Jld.2